

'Graduate On Time' sasaran pelajar pascasiswazah Sabah

UB 27.9.2016 B2


SENTIASA berada di persekitaran yang betul, berfikiran positif, fokus pada kejayaan dan sentiasa meraikan kejayaan kecil adalah antara kunci utama untuk kekal pada momentum yang betul sehingga tamat pengajian.

Itulah antara tips menarik yang dikongsikan oleh Dr Eravan Serri, pensyarah kanan Kolej Teknikal Yayasan Sabah (KTY) yang telah berjaya menamatkan pengajian peringkat Doktor Falsafahnya dalam masa tiga tahun di Universiti Sains Malaysia (USM) tahun lalu.

Kejayaan beliau telah menarik minat syarikat Suhaiimi Sapiee Consultancy & Services Sdn Bhd untuk mengadakan sesi khas bengkel 'Graduate On Time (GOT), Missing Chapter 1.0' bagi memberi ruang kepada beliau agar dapat mengongsikan tips kejayaan serta menjadi inspirasi kepada pelajar pascasiswazah yang lain, khasnya di negeri Sabah.

Bengkel sehari yang telah diadakan di Pusat Pengajian Pascasiswazah, Universiti Malaysia Sabah (UMS) itu

PARA peserta tekun mendengar penerangan yang diberikan.



PESERTA bengkel merakamkan bergambar kenangan.

telah dihadiri 40 peserta dari Sandakan, Papar, Keningau, Kota Belud dan Kota Kinabalu.

Rata-rata para peserta amat berpuas hati dengan gaya penyampaian Eravan bersama pengisinya yang amat relevan dan membantu di dalam pengajian peringkat ijazah sarjana mahupun di peringkat ijazah Doktor Falsafah.

Kesemua peserta melahirkan rasa syukur atas kesempatan mereka untuk menyertai bengkel

yang pertama kali diadakan di Sabah seumpamanya. Pengorbanan masa, tenaga dan wang ringgit di hari minggu amat berbaloi dirasai.

Eravan menjadi inspirasi dan membakar semangat juang kesemua peserta untuk tepat masa bergraduasi.

Selain itu, peserta bengkel turut dibimbing secara praktikal untuk meneroka jurnal berkualiti yang tinggi faktor impaknya mengikut bidang masing-masing, yang seterusnya dikumpulkan di dalam perisian Mendeley

sebagai memudahkan proses rujukan penyelidikan dari masa ke semasa.

Ia diteruskan lagi dengan mempelajari kaedah penyusunan bahan rujukan dalam bentuk matriks untuk kajian literatur, yang mana amat berkesan dalam membantu pelajar agar bekerja secara lebih efektif di arena penyelidikan masing-masing.

Selepas itu, kaedah penulisan tesis pantas diberikan satu persatu agar kesemua peserta dapat memanfaatkannya untuk penulisan tesis mereka. Apa yang nyata, sekiranya kerangka tesis telah ada, segala bentuk penulisan selepasnya akan menjadi mudah dan konsisten. Itulah antara pengisian utama bengkel sehari bersama Eravan.

Menurut Lily James Billy, seorang pelajar pascasiswazah peringkat ijazah Doktor Falsafah di UMS, beliau telah belajar banyak perkara penting yang bakal memudahkan perjalanan pengajiannya selepas menyertai bengkel itu.

Beliau juga berkata Eravan

kini menjadi inspirasi kepadanya untuk mengecap kejayaan di akhir nanti.

Menurut Sitti Junaida pulu, yang juga merupakan pelajar ijazah Doktor Falsafah dari UMS, perkara paling menguntungkan adalah perihal strategi memilih seminar antarabangsa yang berkualiti untuk disertai serta kaedah menghantar artikel ke jurnal di peringkat antarabangsa.

"Tips dan tunjuk ajar yang diberikan oleh Dr Eravan amat mudah untuk diperaktik dan saya berharap mampu melaksanakan dengan jayanya," katanya.

Bagi Elkah Molukim dan Suzie Stephen yang juga pelajar peringkat ijazah Doktor Falsafah UMS, kerungsingan mencari-cari jurnal berkualiti dan strategi penulisan tesis pantas serta kaedah memilih seminar yang bersesuaian telah terjawab semuanya melalui bengkel seumpama ini," katanya.

Beliau juga tidak sabar untuk menyertai bengkel penulisan proposal penyelidikan dan metodologi penyelidikan yang bakal dianjurkan pada 1-2 Oktober depan di UMS.

Bengkel itu bakal dikendali penuh oleh pakar rujuk antarabangsa Prof Dr Zainudin Awang dari Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).



SALAH seorang peserta menerima siji selepas bengkel berakhir.

& Services Sdn Bhd untuk pelajar pascasiswazah.

Ia amat berbaloi untuk disertai bagi membantu memudahkan perjalanan pengajian masing-masing.

Sementara itu, Cikgu Jaggil Apak dari Sandakan, penuntut semester satu ijazah Doktor Falsafah UMS turut berkongsi rasa kesyukuran kerana berpeluang menyertai bengkel seperti itu awal pengajiannya.

"Terlalu banyak ilmu baru dipelajari yang sememangnya relevan di dunia pascasiswazah. Pengajian amat prihatin terhadap keperluan calon melalui bengkel seumpama ini," katanya.

Selain itu, pelajar juga berpeluang bertukar-tukar pandangan, menambahbaik kualiti penyelidikan dan berkolaborasi dengan para cendikiawan dalam penulisan artikel.

Apa yang penting, agar kesemua peserta berpotensi melalui perjalanan pengajian di landasan yang betul dan berjaya menamatkan pengajian masing-masing dengan cemerlang.

Kekuatan komitmen dan dedikasi pihak Syarikat Suhaiimi Sapiee Consultancy & Services (SSCS) selaku pengajian kursus motivasi dan bengkel pelbagai cabang penyelidikan terutama dalam kalangan pelajar pascasiswazah di bumi Borneo perlu direbut oleh para pencinta ilmu.

Salah satu kelebihan mengikuti kursus berkenaan ialah peserta berpeluang menimba ilmu daripada penceramah jemputan yang merupakan pakar-pakar penyelidik dan pakar-pakar dalam penganalisaan data penyelidikan yang bertaraf antarabangsa.

Selain itu, pelajar juga berpeluang bertukar-tukar pandangan, menambahbaik kualiti penyelidikan dan berkolaborasi dengan para cendikiawan dalam penulisan artikel.

Apa yang penting, agar kesemua peserta berpotensi melalui perjalanan pengajian di landasan yang betul dan berjaya menamatkan pengajian masing-masing dengan cemerlang.